

Graduan pakar fizik UTM catat nama dalam Malaysia Book of Record

KOSMO
25/10/15
mls 3

Dr. Mundzir penerima PhD termuda

Oleh AHMAD ISYAFIQ
MAD. DESA



SKUDAI – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini melakar sejarah baharu apabila melahirkan graduan Doktor Falsafah (PhD) termuda pada majlis konvokesyennya semalam.

Kejayaan Dr. Mundzir Abdullah, 24, menggenggam Ijazah Doktor Falsafah Fizik turut mendapat pengiktirafan daripada *The Malaysia Book of Records* sebagai pemegang PhD termuda negara.

Beliau yang memperolehi ijazah sarjana muda dan sarjana dalam bidang fizik dari universiti sama memulakan pengajian PhD pada tahun 2012.

Anak kelahiran Skudai ini berkata, kejayaannya itu

membuktikan usia bukan penghalang bagi individu untuk menuntut ilmu, sebaliknya keinginan untuk berjaya mendorong dirinya menamatkan pengajian di peringkat tertinggi.

“Setiap individu boleh berjaya tanpa mengira usia. Lebih baik kita menuntut ilmu di usia muda saat kudrat masih kuat.

“Saya memang minat belajar apatah lagi ibu bapa sering mendorong saya untuk berjaya,” katanya kepada *Kosmo!* *Ahad* ketika ditemui selepas majlis Konvokesyen ke-55 UTM di sini semalam.

Anak keenam daripada 11 beradik itu kini ber-



MUNDZIR (tengah) bersama Shi Hao (kanan) dan Muhammad Noor Yassin bersama anugerah masing-masing semasa ditemui di UTM Skudai semalam.

khidmat sebagai pensyarah di Jabatan Asasi dan Sains Gunaan, Universiti Teknologi Petronas, Perak.

Pada majlis yang sama, dua graduan menerima Anugerah Pelajaran Diraja iaitu Muhammad Noor Yassin Mohd. Yusof, 24, dan Foo Shi Hao, 23,

Mohammad Noor Yassin, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.71 manakala Shi Hoa, graduan Ijazah Sarjana Muda Mekanikal Industri mencatatkan CGPA 3.95.



RAJA ZARITH SOFIAH menyampaikan Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan kepada Mohamed Khaled (kiri) pada Majlis Konvokesyen ke-55 UTM semalam.

Terdahulu, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah yang juga Canselor UTM telah berkenan mencemar duli menyampaikan ijazah kepada semua penerima.

Baginda turut berkenaan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor

Pengurusan kepada Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Seramai 4,897 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen kali ini yang bermula semalam sehingga Isnin ini.